

# Perceraian Di Malaysia: Kajian Kes Di Kedah, Perlis Dan Pulau Pinang

Abdul Kadir Haji Muhammad\*

## Pendahuluan

Sepanjang tahun 1991 sebanyak 816,723 pasangan telah berkahwin di seluruh Malaysia dan 20 % daripadanya berakhir dengan perceraian.<sup>1</sup> Kadar tersebut adalah tinggi.

Mengulas kadar berkenaan Profesor Mahmud Saedon Awang Othman menyebut:

*Peratus itu bukanlah satu nilai yang kecil sebaliknya perlu diberi perhatian oleh masyarakat dan perlu dicari mengapa serta apakah yang menjadi punca terhadap kes-kes yang berlaku di negara ini.<sup>2</sup>*

Dalam rencana ini penulis akan menganalisa kajian tentang perceraian yang berlaku di ketiga-tiga negeri di utara Semenanjung; Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Tujuannya bagi mendapatkan data-data yang tepat tentang perceraian yang berlaku dan apakah puncanya. Semoga rumusan yang diambil dapat mengatasi gejala tersebut.

Peratus atau kadar perceraian yang berlaku di Perlis dan Pulau Pinang secara amnya sekitar 20 %. Dengan ini, jelas perceraian di kedua-dua negeri tersebut tidak

---

\*Pensyarah Fakulti Syariah Universiti Malaya

berbeza dengan perceraian yang berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di atas. Bagaimanapun perceraian yang berlaku di negeri Kedah adalah rendah, tidak mencapai tahap 20 % kecuali pada tahun 1985. Ini dapat dilihat daripada data-data di bawah.

**Statistik Kadar Perkahwinan Dan Perceraian Di Kedah Bagi Tahun-tahun 1985 - 1991**

Tahun 1985	Perkah. 5078	Perce. 1293	% 25.5	Rujuk 379	Kadar Per. Selepas Ruj. 16 %
1986	8114	1295	16	370	14.4
1987	8413	1110	13	271	10.4
1988	8066	1181	14.7	298	10.9
1989	9027	1203	13.3	311	9.9
1990	10161	1324	13	306	10
1991	13855	1276	9.2	302	7

(Sumber: Laporan Nikah Cerai dan Rujuk Seluruh Kedah, tahun 1985 - 1991).

**Statistik Kadar Perkahwinan Dan Perceraian Di Perlis Bagi Tahun-tahun 1985 - 1991**

Tahun 1985	Perkah. 1368	Perce. 311	% 22.7	Rujuk 75	Kadar Per. Selepas Ruj. 17.3 %
1986	1324	304	22.9	80	17
1987	1300	313	24	70	18.7
1988	1283	320	24.9	81	18.6
1989	1265	301	23.8	79	17.4
1990	1393	287	20.6	80	14.9
1991	1339	277	20.7	64	15.9

(Sumber: Laporan Perkahwinan, Cerai dan Rujuk Negeri Perlis 1985 - 1991)

**Statistik Kadar Perkahwinan Dan Peceraian Di Pulau Pinang Bagi Tahun-tahun  
1985 - 1991**

Tahun 1985	Perkah. 3231	Perce. 599	% 18.5	Rujuk 177	Kadar Per. Selepas Ruj. 12 %
1986	3271	626	19.1	170	13
1987	3228	651	20.1	205	13.8
1988	3433	694	20.2	241	13.1
1989	3020	466	15.4	136	10.9
1990	3221	441	13.7	78	11.2
1991	3234	462	14.2	127	10.3

(Sumber: Data Nikah, Cerai, Pulau Pinang 1985-1991)

Data-data di atas menunjukkan secara amnya kadar perceraian di sepanjang tujuh tahun, dari tahun 1985 hingga 1991 adalah di sekitar 13 hingga 16 % bagi negeri Kedah, kecuali pada tahun 1985 sahaja meningkat hingga 25 %. Bagaimanapun pada tahun 1991 ia turun ke tahap 9 %. Di Perlis, perceraian berlaku sekitar 20 hingga 22 %. Sementara di Pulau Pinang pula sekitar 13 hingga 20 %.

Bagaimanapun setelah diambil kira perujukan yang berlaku selepas perceraian, kadar tersebut turun ke paras yang agak baik, iaitu sekitar 10 hingga 7 % bagi negeri Kedah. Sementara kadar di Perlis masih kekal di sekitar 14 hingga 18 % dan di Pulau Pinang sekitar 10 hingga 13 %.

Antara ketiga-tiga negeri tersebut, Perlis merupakan negeri tertinggi berlakunya kadar peceraian dan diikuti oleh Pulau Pinang. Peratus perceraian di Kedah adalah terendah berbanding dengan negeri-negeri tersebut, kecuali pada tahun 1985.

Secara keseluruhan kadar perceraian bagi ketiga-tiga negeri itu telah menurun dari setahun ke setahun, kecuali di Perlis dan Pulau Pinang pada tahun 1991 telah berlaku sedikit peningkatan dari tahun sebelumnya.

Namun demikian secara umumnya kadar berkenaan masih tinggi walaupun setelah diambil kira perujukan yang berlaku, khususnya apabila dibandingkan dengan kadar perceraian bagi keturunan-keturunan lain di Malaysia, iaitu 3 % di kalangan orang-orang Cina dan 12 % daripada keturunan India.<sup>3</sup> Sepatutnya ini tidak berlaku kerana Islam amat menyempitkan jalan perceraian.

## Faktor Perceraian

Faktor-faktor perceraian di ketiga-tiga negeri tersebut pada keseluruhannya hampir sama. Ini ternyata daripada faktor-faktor di bawah yang merupakan faktor yang sama menyebabkan berlakunya perceraian di ketiga-tiga negeri itu.<sup>4</sup>

1. Campurtangan keluarga
2. Isteri nushuz, tidak ingin mengikuti suami
3. Isteri tidak melaksanakan tanggungjawab rumah tangga dengan sempurna.
4. Isteri berlaku curang
5. Isteri cemburu
6. Penyekeaan batin
7. Suami berlaku curang
8. Suami cemburu
9. Suami/isteri tidak siuman
10. Suami dipenjara
11. Suami menghilangkan diri
12. Suami pemabuk
13. Suami kaki judi
14. Suami penagih dadah
15. Suami tidak adil dalam berpoligami
16. Suami tidak memberi nafkah
17. Tidak bersefahaman

Mengikut Haji Othman bin Ismail, Kadi Negeri Perlis faktor tiada persefahaman dan tolak ansur antara suami isteri adalah antara faktor utama berlakunya perceraian di negeri tersebut.<sup>5</sup> Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan “*Analisa Masalah Rumahtangga*” yang dijalankan oleh Unit Mahkamah Syariah Perlis. Daripada 321 aduan yang dibuat berkaitan dengan masalah rumahtangga pada tahun 1988, 97 masalah kerana faktor tersebut. Sebanyak 274 masalah yang diadukan dari Januari-Sept. 1991, 85 kes adalah kerana sebab yang sama.<sup>6</sup> Analisa Masalah Rumahtangga, Unit Mahkamah Syariah, Perlis, Tahun 1988 dan 1991.

Dengan itu kenyataan Biro Bantuan Guaman di Perlis bahawa faktor-faktor menyebabkan perceraian di negeri itu kerana berpoligami<sup>7</sup> adalah tidak tepat. Ini dibuktikan lagi oleh analisa di atas. Sepanjang tahun 1988 hanya sebanyak 8 kes krisis rumahtangga yang diadukan ke unit tersebut yang berpunca dari masalah poligami dan sebanyak 15 kes sepanjang tahun 1991 kerana sebab yang sama.<sup>8</sup>

Walaupun di Kedah tidak terdapat data-data secara teperinci yang menjelaskan faktor utama perceraian yang berlaku di negeri itu, tetapi tidak diragui lagi sebab tidak bersefahaman antara suami isteri juga antara faktor utama berlakunya perceraian di negeri Kedah. Perkara ini telah dinyatakan oleh Sheikh Sufi Said, seorang Kadi di Kedah. Sebanyak 79 % perceraian yang berlaku pada tahun 1986 adalah kerana sebab tersebut. 50 % pada tahun 1987 dan 17 % pada tahun 1988.<sup>9</sup>

Bagaimanapun sebab tidak bersefahaman itu merupakan satu kesimpulan yang terlalu umum. Ia mesti terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan berlakunya tidak bersefahaman. Sebagai menjelaskan perkara ini, Sheikh Sufi Said menyatakan sebab tidak bersefahaman itu mempunyai kaitan dengan sebab-sebab lain, antaranya berpunca daripada campurtangan ibu bapa, suami malas bekerja dan ini menyebabkan ia tidak mampu menanggung nafkah keluarga dan juga kerana suami curang.<sup>10</sup>

### Masalah Sosial

Daripada pelbagai sebab perceraian yang tercatat di atas, bolehlah diambil kesimpulan bahawa sebahagian besar perceraian yang berlaku adalah berpunca daripada masalah sosial, bukan kecacatan fizikal (aib) atau mental yang dialami oleh suami isteri.

Perceraian kerana masalah sosial melibatkan tiga pihak. Pertama pihak suami. Kedua pihak isteri dan ketiga kerana campurtangan orang ketiga.

Sebab-sebab perceraian yang berpunca daripada suami dan berpunca daripada kedua-dua belah pihak merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya keruntuhan rumah tangga. Ini dapat dilihat daripada data-data aduan masalah rumah tangga di Unit Mahkamah Syariah Perlis sepanjang tahun 1988 dan 1991.<sup>11</sup>

#### a. Masalah berpunca daripada suami

Sebab	1988 %	1991 (Jan -Sept.)
1. Suami tidak bertanggungjawab	53	27
2. Suami ada perempuan lain	15	18
3. Tidak adil berpoligami	14	12
4. Tidak mampu memberi nafkah	12	5
5. Memukul isteri	8	8
6. Pemabuk (arak dan dadah)		10
	102, 31.8	80, 29.1

**b. Berpunca daripada kedua-dua belah pihak (suami isteri)**

Sebab	1988	1991
1. Tidak bersefahaman	84	71
2. Tidak bertolak ansur	13	14
	<hr/> 97, 30.2	<hr/> 85, 31

**c. Berpunca daripada isteri**

Sebab	1988	1991 (Jan-Sept.)
1. Tidak taat suami	28	15
2. Tidak sanggup dimadu	8	15
3. Isteri curang	18	12
4. Cemburu		10
	<hr/> 54, 16.8	<hr/> 52, 22.6

**d. Berpunca daripada campurtangan pihak ketiga**

1988                           1991

20, 6.2                       21, 7.6

**e. Sebab sosial lain**

1988                           1991

22, 6.8                       15, 5.4

Daripada data-data di atas, terbukti daripada 321 aduan berhubung dengan krisis rumah tangga pada tahun 1988, 295 kes atau 92 % kerana masalah sosial. Hanya 26 kes atau 8 % sahaja krisis rumah tangga kerana kecacatan fizikal pada tahun tersebut. Sebanyak 274 aduan berkaitan masalah rumah tangga dari Januari hingga September 1991, 254 atau 92.4 ialah kerana masalah sosial. Sebanyak 21 kes atau 7.6 % kerana kecacatan fizikal.

Huraian tentang masalah-masalah sosial tersebut, jelas menunjukkan masalah yang berpunca daripada suami dan punca bersama merupakan faktor utama berlakunya perpecahan rumah tangga. Pada tahun 1988 ia merangkumi sebanyak 62 %, manakala pada tahun 1991, sebanyak 62 % perceraian yang berpunca daripada isteri pada tahun 1988 sebanyak 16.8 % dan sebanyak 22.6 % pada tahun 1991. Sementara perceraian yang berpunca daripada campurtangan orang ketiga pula sebanyak 6.2 %. Perceraian kerana sebab sosial lain pula ialah 6.8 %.

Dengan itu, jelas sebab utama berlakunya perceraian di Perlis berkisar di sekitar sebab sosial yang berpunca daripada tindak-tanduk suami isteri, sama ada berpunca daripada suami, isteri dan sebab bersama. Walaupun peratus perceraian berpunca daripada campurtangan pihak ketiga dan sebab sosial lain merupakan peratusan yang kecil, namun ia tidak boleh dipandang ringan, kerana ia juga memberi sumbangan dalam keruntuhan rumahtangga.

Penulis tidak mendapat statistik secara tepat berkenaan dengan faktor yang membawa perceraian di Kedah dan Pulau Pinang. Apakah ia juga berpunca daripada masalah sosial ataupun penyakit fizikal atau mental. Tetapi berdasarkan faktor di atas tadi, tidak dapat dinafikan sebahagian besar perceraian di kedua-dua negeri ini juga berpunca daripada masalah sosial, bukan penyakit fizikal dan mental. Ini diperkuatkan lagi dengan kajian Norlia Zakaria di Pulau Pinang dari tahun 1985-1986, iaitu perceraian disebabkan isteri ingkar dan tidak bertanggungjawab 10 %, suami isteri curang 16 % dan 30 % tidak bersefahaman, 5 % suami pemabuk dan 3 % kerana campurtangan keluarga. Ini adalah merupakan faktor-faktor sosial.<sup>12</sup> Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Cik Rohani, Pegawai Jabatan Agama Pulau Pinang, bahawa perceraian kerana penyakit, sama ada penyakit mental dan fizikal adalah kurang.<sup>13</sup>

### Meningkatkan Langkah-langkah Mengurangkan Perceraian

Menghapuskan perceraian secara total merupakan satu perkara yang mustahil. Tetapi usaha-usaha boleh dilaksanakan untuk mengurangkannya. Ini jelas daripada statistik-statistik yang dikemukakan. Pada keseluruhannya perceraian telah menurun dan bertambah baik dari setahun ke setahun.

Penurunan ini berkemungkinan besar daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak terlibat bagi mengurangkan kadar perceraian, seperti mensyaratkan semua perceraian mesti melalui Mahkamah, penubuhan Unit Khidmat Nasihat dan mengadakan kursus-kursus awal perkahwinan.

Ini jelas daripada statistik peratus perceraian di Kedah dan Pulau Pinang yang nampaknya lebih rendah dibandingkan dengan peratus perceraian yang berlaku di Perlis yang masih lagi belum menguatkuasakan peruntukan tersebut.

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Sheikh Nik Ali bin Nik Ahmad, Kadi Mahkamah Kota Setar, bahawa penguatkuasaan peruntukan tersebut telah dapat mengurangkan perceraian di Kedah.<sup>14</sup>

Tidak dinafikan unit Khidmat Nasihat turut juga memainkan peranan dalam mengurangkan perceraian yang berlaku. Perkara ini dinyatakan oleh Cik Rohani Pegawai Agama Pulau Pinang,<sup>15</sup> Puan Nafisah, Pegawai Agama di Kedah<sup>16</sup> dan Rosinah bt Ahmad, Pegawai Agama di Perlis.<sup>17</sup> Unit ini dapat memainkan peranan kerana sebelum berlaku sesuatu perceraian suami isteri dikehendaki terlebih dahulu berjumpa dengan unit tersebut. Dengan itu unit ini berperanan menasihati suami isteri untuk mengelak berlakunya perceraian.<sup>18</sup>

Kursus Asas Perkahwinan juga turut memainkan peranan bagi mengurangkan

perceraian. Melalui kursus ini pasangan dapat ditanamkan kefahaman agama dan rasa bertanggungjawab terhadap rumah tangga. Dengan itu dapat mengelakkan perceraian. Demikian dijelaskan oleh Puan Nafisah.<sup>19</sup>

Bagaimanapun langkah-langkah ini perlu dipertingkatkan lagi. Unit-unit khidmat nasihat yang sedang berjalan sekarang mesti dikemaskinikan, baik dari segi pentadbiran dan kelayakan kakitangan. Di Kedah ia dikendalikan oleh Penolong Pegawai Agama, Kumpulan C.<sup>20</sup> Demikian juga di Perlis. Di Pulau Pinang, ia dikendalikan oleh Kumpulan B. Selain tugas tersebut, mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas lain.

Dengan keadaan ini mereka tidak dapat memain peranan yang diharap-harapkan. Perkara ini diakui oleh Sheikh Azmi Ahmad, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kedah.<sup>21</sup> Kenyataan tersebut turut dipersetujui oleh Sheikh Nik Ali Nik Ahmad, Kadi Daerah Kota Setar.<sup>22</sup> Kadi yang dibebankan dengan beberapa tugas tidak dapat menumpukan penuh perhatian untuk menyelesaikan krisis rumah tangga. Mereka bertugas sebagai Pendaftar Nikah Kahwin, Hakim, sebagai Pegawai Runding Cara peringkat daerah dan juga sebagai Pegawai Tadbir Agama.<sup>23</sup> Perkara yang sama juga disuarakan oleh Ustaz Usman Ibrahim, Kadi Bandar Raya, Pulau Pinang.<sup>24</sup>

Demikian juga dengan Kursus Asas Perkahwinan, ia tidak dijalankan secara tersusun. Di Pulau Pinang, ia hanya selenggarakan oleh Persatuan Naib Kadi.<sup>25</sup>

Sebagai kesimpulan, walaupun perceraian bagi ketiga-ketiga negeri berkurangan setiap tahun, namun demikian usaha-usaha perlu dipertingkatkan bersungguh-sungguh supaya kadar perceraian dapat diturunkan ke tahap yang seminimum mungkin. Pihak-pihak berkuasa mesti memberi perhatian sewajarnya supaya pentadbiran yang berhubung dengan kekeluargaan Islam dapat dikemaskinikan dan dipertingkatkan sesuai dengan perubahan sosial pada masa ini. Dengan peningkatan pentadbiran tersebut dipercayai mereka akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mengurangkan lagi kadar perceraian.

Badan-badan kerajaan yang lain juga boleh memainkan peranan dalam meminimumkan perceraian. Mereka boleh mengadakan kursus-kursus atau seminar-seminar secara tertutup untuk menanamkan keharmonian rumah tangga.

Kalau semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing, tidak mustahil kegoyahan rumah tangga umat Islam dapat dipertahankan.

**Nota Kaki**

1. Berita Harian (9.6.1992)
2. op. cit.
3. New Straits Times (1.10.1988)
4. Data Nikah, Cerai dan Rujuk, Pulau Pinang, 1985-1991, "Krisis Keluarga dan Cara-cara Mengatasinya", Kertas-kerja Kursus Keluarga Islam, Anjuran Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Alor Setar (19 - 26 Mac dan 2 April)
5. Temuramah dengan Haji Othman Ismail, Kadi Negeri Perlis, pada 14.6.1992.
6. Analisa Masalah Rumahtangga Perlis.
7. Utusan Malaysia (31.7.1989).
8. Analisa Masalah Rumahtangga, Perlis, op.cit.
9. Norlia Zakaria, "Isu-isu Sosiologikal dalam Perceraian dan Poligami di Pulau Pinang dan Kedah", dalam Bengkel Undang-undang Syari'ah dan Sivil: Perkembangan dan Kedudukan Wanita Islam (Pulau Pinang: 23 Sept. 1989).
10. Ibid.
11. Analisa Masalah Rumahtangga, Perlis, op.cit.
12. Norlia Zakaria, Isu-isu Sosiologi, op.cit.
13. Temuramah dengan Rohani bt. Hitam, Pegawai Hal-ehwal Islam Pulau Pinang, pada 19.6.1992.
14. Temuramah dengan Sheikh Nik Ali bin Nik Ahmad, Kadi Kota Setar, Negeri Kedah, pada 17.6.1992.
15. Temuramah dengan Rohani bt. Hitam, op.cit.
16. Temuramah dengan Nafisah bt. Abdullah, Pegawai Perundangan, Mahkamah Kadi, Perlis, pada 17.6.1992.
17. Temuramah dengan Rosinah bt. Ahmad, Pegawai di Bahagian Unit Khidmat Nasihat, Mahkamah Syari'ah Perlis, pada 15.6.1992.
18. Temuramah dengan Rohani bt. Hitam, op.cit. 19.19.
19. Temuramah dengan Nafisah bt. Abdullah, op.cit.

20. Temuramah dengan Sheikh Azmi, Pendaftar Mahkamah Syariah Kedah, pada 17.6.1992.
21. Ibid.
22. Temuramah dengan Sheikh Nik Ali Nik Ahmad, op.cit.
- 23 Ibid.
24. Temuramah dengan Usman Ibrahim, pada 19.6.1992.
25. Temuramah pada 19.6.1992.